



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

## Kenyataan Media YB Dato' Hasan Arifin

### Berhubung

### Ketiadaan Sidang Akhbar Selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia

19 November 2015

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia, saya dukacita kerana usaha mewujudkan suasana mesra di kalangan pengamal media tidak dihargai segelintir petugas media.

Walaupun gurauan semasa akhir sidang akhbar pada 18 November (semalam) ketika hendak keluar makan meminta supaya ia tidak ditulis tetapi masih ada segelintir di kalangan pengamal media masih melaporkannya di portal berita dan akhbar.

Oleh itu, bermula pada Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia pada 23 november 2015, PAC **TIDAK** akan mengadakan sebarang sidang akhbar lagi, jika ada sebarang maklumat yang hendak atau perlu diberitahu kepada media akan dimaklumkan melalui kenyataan bertulis rasmi.